

FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

BATAMERAH

EDISI OKT-DIS




(DUTA BESAR BELGIUM KE MALAYSIA)

ALES


AMBASSADOR
LECTURE
SERIES

ROBING
2025



SYARAHAN PERDANA

PROF. TS. DR. KADIR ARIFIN



Diterbitkan di Malaysia oleh
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (online)
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.E. Malaysia
2025

ISI KANDUNGAN



4

ALES 2025

Ambassador Lecture Series
Duta Besar Belgium ke Malaysia



8

MAW FSSK

Majlis Apresiasi Watan



12

SYARAHAN PERDANA

Prof. Ts. Dr. Kadir Arifin

14

FSSK Terima 267 Pelajar Pascasiswazah Baharu,
Perkukuh Komitmen Ke Arah Kecemerlangan Akademik.



15

Telaah UKM Siri 3 Anjuran PTSL Kupas
Karya Pentadbiran Kewangan Kolonial Johor



16

Majlis Watikah Pelantikan
PMFSSK dan Kelab-Kelab FSSK
Sesi 2025/2026



18

ROBING 2025

Majlis Apresiasi Graduan
Doktor Falsafah & Sanjungan Budi
Profesor Emeritus FSSK

20

LAWATAN FSSK

Lawatan sepanjang
(Oktober - Disember)



26

Konvokesyen UKM

1275 Graduan Fakulti Sains
Sosial dan Kemanusiaan
Dirai Dalam Majlis
Konvokesyen Universiti
Kebangsaan Malaysia Ke-53

Fakulti
& Sains Sosial
& Kemanusiaan
Faculty of Social Sciences & Humanities, UKM

EDITOR

Dr. Hasrul Hashim
Pn. Ezzatul Nadia
En. Akmal Arfan
En. Faris Aiman
En. Akmal Hakim

ALAMAT

UNIT KOMUNIKASI DIGITAL (DCU)
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
(FSSK) Universiti Kebangsaan Malaysia
43600, Bangi Selangor Darul Ehsan,
Malaysia

HUBUNGI

www.dfssk@ukm.edu.my

+6 (03) 8921 5354
(Pejabat Kedekanan)

+6 (03) 8921 4741
(Sekreteriat Prasiswazah)

+6 (03) 8921 5144
(Sekreteriat Siswazah)

Ikuti kami:

facebook.com/ukmfssk
instagram.com/fsskukm
tiktok.com/fssukm
x.com/officialfsskukm
youtube.com/fssktv



ALES

AMBASSADOR LECTURE SERIES



Siri Syarahan Duta Besar (ALES) FSSK, Diplomasi Merentas Sempadan



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) berbesar hati menganjurkan Siri Syarahan Duta Besar (Ambassador Lecture Series - ALES) yang menampilkan H.E. Peter Van Acker, Duta Besar Belgium ke Malaysia.

Syarahan ini menjadi wadah berharga kepada warga FSSK untuk memahami dunia diplomasi secara lebih dekat menerusi pengalaman dan pandangan langsung dari tokoh diplomat sendiri. Peluang ini juga membuka ruang kepada pelajar pelbagai bidang untuk meneroka bagaimana strategi dan diplomasi bergerak seiring dalam menghadapi cabaran dunia yang kian kompleks.

Semoga siri syarahan ini memberi inspirasi dan kesedaran terhadap peranan penting diplomat di pentas global serta memperkukuh kefahaman tentang kepentingan hubungan antarabangsa Malaysia dengan negara-negara lain.





MAW
MAJLIS APRESIASI WATAN



FSSK Sambut Kehadiran Pelajar Baharu dengan Tema “Kisah Klasik untuk Masa Hadapan”

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menganjurkan Majlis Apresiasi Watan FSSK di Perkarangan Chow Kit FSSK sebagai simbolik sambutan kehadiran pelajar baharu ke fakulti.

Dengan bertemakan “Kisah Klasik untuk Masa Hadapan”, program ini memberi mesej bahawa kisah-kisah klasik sarat dengan pengajaran dan inspirasi yang boleh dijadikan pegangan oleh mahasiswa dalam melangkah ke hadapan sekaligus memupuk jati diri yang utuh sebagai generasi penerus bangsa.

Majlis telah disempurnakan dengan kehadiran Naib Canselor UKM, Prof. Dr. Sufian Jusoh yang dalam ucapannya menyeru para pelajar baharu untuk memanfaatkan sepenuhnya pengalaman universiti sebagai landasan membina masa depan.



“Carilah juga ilmu selain daripada ilmu yang diberikan oleh pensyarah anda, jadikan universiti ini sebagai asas untuk anda terus mengembangkan potensi anda,”

Prof. Dr. Sufian Jusoh
(Naib Canselor UKM)



“Universiti bukan sahaja medan untuk mencari ilmu, tetapi juga ruang untuk membentuk diri menjadi insan yang lebih matang, berdisiplin dan berdaya saing. Saya berharap mahasiswa baharu akan menjadikan kisah-kisah klasik sebagai panduan untuk terus melangkah dengan yakin ke masa depan,”

Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub
(Dekan FSSK)

Sementara itu, Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub dalam ucapannya menekankan bahawa pentingnya mahasiswa untuk mengekalkan semangat belajar sepanjang hayat, menjaga adab dan membina sahsiah unggul sepanjang bergelar pelajar di universiti.



Acara ini turut dimeriahkan dengan persembahan daripada pelajar baharu FSSK yang menzahirkan kreativiti serta semangat mereka dalam meraikan kehadiran sebagai sebahagian daripada warga fakulti.





Budaya Kerja Selamat Fokus Syarahan Perdana Prof. Ts. Dr. Kadir Arifin

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Risiko, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) telah menganjurkan Syarahan Perdana Prof. Ts. Dr. Kadir Arifin bertajuk “Sifar Kemalangan di Tempat Kerja: Realiti @ Fantasi” di Bilik Senat, Aras 5 Bangunan Canselor, UKM.

Syarahan ini memberi tumpuan kepada kepentingan membudayakan amalan keselamatan di tempat kerja, mengenal pasti punca kemalangan serta memperkenalkan pendekatan intervensi yang berkesan ke arah mencapai matlamat sifar kemalangan di Malaysia.

Dalam syarahannya, Prof. Kadir mengetengahkan Teori Kadir iaitu teori faktor kemalangan pekerjaan yang dibangunkan hasil penyelidikan beliau selama lebih dua dekad dalam bidang keselamatan pekerjaan. Beliau turut menggariskan konsep “Sifar Kemalangan” sebagai satu visi nasional yang boleh dicapai melalui komitmen organisasi, latihan berterusan dan pengamalan budaya kerja selamat di setiap peringkat.

Turut menjadi tumpuan dalam syarahan ini ialah pelancaran Video Keselamatan Pekerjaan UKM yang pertama, sebagai inisiatif universiti untuk memperkukuh kesedaran warga kerja terhadap aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Naib Canselor UKM, Prof. Dr. Sufian Jusoh dalam ucapannya memuji dedikasi dan sumbangan Prof. Kadir dalam bidang keselamatan pekerjaan yang banyak memberi impak terhadap pengurusan risiko dan kesejahteraan warga kampus. Beliau turut menyampaikan latar belakang akademik dan perjalanan kerjaya Prof. Kadir sebagai contoh teladan kepada warga universiti.



Majlis turut dihadiri oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UKM, Prof. Emeritus Datuk Dr. Mohamad Abd. Razak, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa, Prof. Dr. Abdul Halim Abdul Gafor, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Ts. Dr. Norinsan Kamil Othman, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat, Prof. Ts. Dr. Faizal Mohamed serta Dekan FSSK, Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub.

Dalam syarahan tersebut, Prof. Kadir turut menzahirkan penghargaan kepada individu yang telah banyak membimbing dan memberi inspirasi dalam perjalanan akademiknya, termasuk Prof. Ulung Datuk Dr. Shamsul Amri Baharuddin serta Prof. Dr. Kadaruddin Aiyub yang merupakan penyelia beliau sewaktu pengajian sarjana muda.

Majlis turut diserikan dengan Pameran Pencapaian dan Perjalanan Akademik Prof. Kadir yang memaparkan sumbangan beliau dalam bidang penyelidikan, penerbitan buku serta inovasi keselamatan pekerjaan.



FSSK Terima 267 Pelajar Pascasiswazah Baharu, Perkukuh Komitmen Ke Arah Kecemerlangan Akademik.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hari ini menerima kedatangan seramai 267 pelajar baharu pascasiswazah bagi sesi kemasukan terkini, menandakan permulaan perjalanan akademik yang penuh harapan dan potensi.

Sebagai usaha menyambut dan memperkenalkan pelajar baharu kepada ekosistem fakulti, satu sesi taklimat pengenalan telah diadakan, dikendalikan oleh Timbalan Dekan (Siswazah), Prof. Madya Dr. Azlan Abas. Taklimat ini bertujuan memberi gambaran menyeluruh berkenaan struktur program, tatacara akademik, serta pelbagai kemudahan yang disediakan FSSK untuk menyokong kecemerlangan pelajar.

Majlis turut diserikan dengan perkongsian oleh Puan Rosmalidaini Mah Hassan dari Perpustakaan Tun Seri Lanang UKM, yang menjelaskan kemudahan dan akses sumber rujukan ilmiah bertaraf dunia. Seterusnya, Dr. Rusyda Helma memperkenalkan UKMFolio, platform pembelajaran digital UKM yang menjadi tulang belakang pengajaran dan pembelajaran moden universiti.

FSSK menaruh keyakinan bahawa barisan pelajar baharu ini akan terus komited dalam mengejar kecemerlangan akademik, menyumbang kepada penyelidikan bermakna dan mencipta impak yang signifikan dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.

Tahniah dan Selamat Datang ke FSSK!



Telaah UKM Siri 3 Anjuran PTSL Kupas Karya Pentadbiran Kewangan Kolonial Johor

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) meneruskan tradisi keilmuan melalui penganjuran Telaah UKM Siri 3 yang diadakan di Dewan Perdana, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Program ini merupakan anjuran Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL) dengan kerjasama Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa (SPHEA), FSSK.

Sesi kali ini menampilkan telaah terhadap karya ilmiah berjudul Pentadbiran Kewangan Kolonial di Johor hasil tulisan Prof. Dr. Ichiro Sugimoto dari Soka University, Jepun. Buku ini menyingkap dasar ekonomi kolonial yang membentuk landskap pentadbiran negeri Johor serta memberi perspektif mendalam terhadap peranan ekonomi dan kewangan dalam konteks sejarah penjajahan.

Program berintelektual ini menampilkan penulis buku berkenaan, Prof. Dr. Ichiro Sugimoto, Dekan Faculty of International Liberal Art, Soka University serta Prof. Dr. Sufian Jusoh, Naib Canselor UKM, selaku pembicara utama. Turut hadir Dr. Mohd Ikbal Mohd Huda, Pengerusi SPHEA, FSSK UKM, yang bertindak sebagai moderator sesi.

Dalam telaahnya, Prof. Dr. Sufian Jusoh menekankan kepentingan mempelajari sesuatu dari sejarah untuk membina keupayaan negara masa kini, khususnya dalam aspek ekonomi dan daya tahan sumber makanan.



"UKM perlu menjadi universiti pengeluar, sama ada dalam bidang teknologi mahupun pengeluaran makanan seperti sayur-sayuran dan hasil pertanian lain. Melalui pengajaran daripada sejarah, kita melihat kesan apabila negara terlalu bergantung kepada import makanan sekiranya berlaku musibah atau konflik, kita mungkin berdepan kekurangan sumber," katanya.



Selain itu, buku tersebut turut memperincikan bahawa Johor pernah muncul sebagai antara negeri terkaya pada awal abad ke-20 di rantau ini dengan hasil pendapatan 50 juta, mencerminkan kekuatan ekonomi tempatan yang harus dijadikan inspirasi dalam membangunkan dasar ekonomi negara berasaskan keupayaan sendiri.

Penganjuran Telaah UKM Siri 3 ini membuktikan komitmen UKM dalam memperkukuh budaya ilmu dan wacana akademik selaras dengan aspirasi membudayakan pembacaan dan memperkasa wacana ilmu dengan gagasan intelektual YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim.



Majlis Watikah Pelantikan PMFSSK dan Kelab-Kelab FSSK Sesi 2025/2026

Buat julung kalinya, Sekretariat Hal Ehwal Pelajar (HEPA) Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM telah menganjurkan Majlis Watikah Pelantikan Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (PMFSSK) serta kelab-kelab di bawah naungannya pada 6 November 2025 bertempat di Dewan Perdana, FSSK.

Majlis penuh bermakna ini diadakan bagi meraikan pelantikan barisan kepimpinan mahasiswa baharu sesi 2025/2026 yang akan meneruskan legasi kecemerlangan mahasiswa FSSK dalam kepimpinan, kesukarelawanan dan pengurusan program. Seramai 292 orang ahli terdiri daripada kepimpinan PMFSSK dan kelab-kelab FSSK telah menerima watikah pelantikan masing-masing dalam suasana yang penuh semangat dan kebanggaan.

Watikah pelantikan telah disempurnakan oleh Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Prof. Dr. Kadaruddin Ayub, yang turut menzahirkan sokongan penuh fakulti terhadap setiap aktiviti dan program anjuran PMFSSK serta kelab-kelab FSSK. Beliau menegaskan bahawa fakulti akan sentiasa menjadi tulang belakang kepada usaha mahasiswa dalam memupuk kepimpinan yang berwibawa, progresif dan berjiwa besar.



Penganjuran sulung ini menjadi simbol keutuhan dan kebersamaan antara pihak fakulti, penasihat kelab serta mahasiswa, di bawah koordinasi Sekretariat HEPA FSSK yang sentiasa komited memperkasa barisan kepimpinan pelajar fakulti.

Sebagai penutup, majlis turut menitipkan pesanan yang penuh makna buat seluruh kepimpinan pelajar:

“Menjadi pemimpin bukan untuk mencari megah. Apabila menjadi pemimpin, tugasmu menjadi lebih payah. Jangan mengikut resam ketam yang menyuruh anaknya berjalan betul, kerana yang berjalan betul itu bukan kaki, tetapi hati nurani.”

Dengan kekuatan seramai hampir 300 kepimpinan pelajar, FSSK terus melangkah maju sebagai fakulti yang bukan sahaja melahirkan mahasiswa cemerlang dalam akademik, tetapi juga pemimpin yang berintegriti, berjiwa masyarakat dan berdaya saing tinggi.

Majlis Apresiasi Graduan Doktor Falsafah & Sanjungan Budi Profesor Emeritus FSSK

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia, melakar satu lagi sejarah bermakna menerusi penganjuran Majlis Apresiasi Graduan Doktor Falsafah dan Sanjungan Budi Profesor Emeritus, sebagai penghargaan kepada kecemerlangan akademik dan jasa bakti tokoh ilmuwan fakulti.

Majlis penuh gemilang ini mengiktiraf seramai 74 orang graduan Doktor Falsafah (PhD) bagi tahun 2025, termasuk 13 graduan Graduate on Time (GOT) yang berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh pengajian yang ditetapkan. Kejayaan ini tidak mungkin tercapai tanpa komitmen, kecekalan dan dedikasi luar biasa, baik daripada para graduan mahupun barisan penyelia yang telah membimbing dan menyokong sepanjang perjalanan akademik mereka.



Majlis ini turut mengangkat pencapaian Dr. Zeeshan Khan, penerima Anugerah Tesis Cemerlang, hasil penyeliaan mantap oleh Prof. Dr. Mohammad Rahim Kamaluddin, Prof. Madya Dr. Jamiah Manap dan Dr. Surendran A/L Rajaratnam. Anugerah ini menjadi bukti bahawa kualiti penyelidikan dan penulisan tesis yang tinggi dapat memberi sumbangan bermakna kepada ilmu dan masyarakat.



Lebih istimewa, majlis ini turut menyaksikan penganugerahan Profesor Emeritus kepada dua tokoh akademik terkemuka FSSK iaitu Profesor Emeritus Dato' Dr. Imran Ho Abdullah dan Profesor Emeritus Datin Dr. Ruzy Suliza Hashim.

Kedua-dua tokoh ini telah memberikan sumbangan luar biasa dalam bidang pengajaran, penyelidikan, kepimpinan akademik dan pembangunan fakulti. Gelaran ini adalah manifestasi penghargaan tertinggi atas khidmat bakti mereka dalam mengangkat martabat ilmu dan memperkasa peranan institusi pendidikan tinggi di persada nasional dan antarabangsa.



Majlis ini bukan sekadar meraikan kejayaan individu, tetapi turut mencerminkan iltizam FSSK dalam membudayakan kecemerlangan, memperkukuh ekosistem akademik yang mampan, serta menjunjung nilai keilmuan yang berterusan. Semoga kejayaan yang diraikan ini menjadi inspirasi kepada seluruh warga FSSK untuk terus melakar kecemerlangan dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ilmu, masyarakat dan negara.

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan!





Kunjungan hormat ke FISIP Universitas Muhammadiyah Malang pula membuka lembaran baharu kerjasama untuk fasa kedua 2025–2030 yang disambut mesra oleh Muhammad Salis Yuniardi, Wakil Rektor IV.

Delegasi FSSK yang diketuai oleh YBhg. Prof. Kadaruddin Aiyub berharap agar jaringan strategik ini menjadi pemangkin kepada pembangunan ekosistem pendidikan tinggi yang mampan, inklusif dan berdaya saing di peringkat antarabangsa.

Semoga hubungan ini terus berkembang dan memberi impak positif kepada komuniti akademik serantau.

FSSK Perkasa SDG 17 melalui Kerjasama Strategik bersama Universitas Airlangga dan Universitas Muhammadiyah Malang

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM terus komited memperkukuh Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 17 – Perkongsian untuk Matlamat melalui jalinan kerjasama strategik antarabangsa.

Pertemuan bersama Dr. M. Muttaqien, Dekan FISIP Universitas Airlangga menumpukan kepada potensi kolaborasi dalam bidang penyelidikan, penerbitan bersama, pertukaran pensyarah, program mobiliti serta latihan industri.



Lawatan daripada Jabatan Bahasa Inggeris, Fakultas Persuratan, Universitas Negeri Malang ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima lawatan akademik daripada Jabatan Bahasa Inggeris, Fakultas Persuratan, Universitas Negeri Malang (UNM) bagi memperkukuh kerjasama dalam bidang TESL dan Linguistik. Lawatan ini bertujuan untuk berkongsi kepakaran melalui syarahan jemputan, menjalankan perbincangan dan penanda aras berkaitan kurikulum serta strategi pengajaran, meneroka potensi kerjasama seperti penerbitan dan penyelidikan bersama serta pertukaran pensyarah dan pelajar, di samping mempelajari pengalaman UKM Open and Distance Learning (ODL) dalam pengintegrasian teknologi dan pelaksanaan pembelajaran jarak jauh.



Sesi Kunjungan daripada Nanyang Technological University, Singapore ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah menerima sesi kunjungan daripada Nanyang Technological University (NTU), Singapura, bagi membincangkan peluang kepada pelajar UKM untuk menyertai program di NTU School of Social Sciences melalui tawaran biasiswa penuh. Kunjungan ini membuka ruang perkongsian maklumat berkaitan laluan akademik, kriteria kelayakan serta prospek kerjasama pendidikan yang dapat memberi manfaat kepada pelajar UKM dalam memperluas pengalaman dan jaringan antarabangsa.



Sesi Kunjungan daripada Universitas Medan Area, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi Kunjungan daripada Universitas Medan Area, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tujuan membincangkan peluang untuk mengadakan persidangan antarabangsa bagi pelajar-pelajar pascasiswa Psikologi dan pertukaran pelajar diantara kedua-dua Universiti.



Sesi Kunjungan daripada Fakultas Psikologi, Universitas 17 Agustus 1945 Surabaya, Indonesia Ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi kunjungan daripada Fakultas Psikologi, Universitas 17 Agustus 1945 Surabaya, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memperkukuh hubungan akademik dan kerjasama antarabangsa. Kunjungan ini bertujuan untuk meneroka peluang pertukaran pelajar dan pensyarah, di samping membincangkan potensi kolaborasi dalam pelaksanaan khidmat masyarakat yang memberi manfaat bersama kepada kedua-dua institusi.



Sesi Kunjungan Fakultas Kemanusiaan, Universitas Diponegoro, Indonesia Ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Sesi kunjungan daripada Fakultas Kemanusiaan, Universitas Diponegoro, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memperkukuh kerjasama antarabangsa antara kedua-dua institusi. Kunjungan ini bertujuan untuk meneroka peluang kolaborasi antarabangsa serta membincangkan potensi kerjasama penyelidikan khususnya dalam bidang pembacaan dan domain kognitif-afektif menggunakan teknologi penjejakan mata (eye-tracking).



Sesi Kunjungan Fakultas Sains Sosial, Universitas Negeri Medan, Indonesia Ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.



Sesi kunjungan daripada Fakultas Sains Sosial, Universitas Negeri Medan, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi memfokuskan perbincangan mengenai inisiatif penyelidikan bersama dalam bidang Sejarah dan Arkeologi yang berpotensi memperkukuh jaringan penyelidikan serantau.



Sesi Lawatan Fakultas Ilmu Sosial Dan Ilmu Politik, Universitas Airlangga, Indonesia Ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sesi Lawatan daripada Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Universitas Airlangga, Indonesia ke Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia bagi membincangkan potensi dan peluang untuk berkerjasama dalam pertukaran pelajar diantara kedua-dua institusi serta penyelidikan kolaboratif.



KONVO

MAJLIS KONVOKESYEN UKM KE-53



1275 Graduan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan Dirai Dalam Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia Ke-53

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada 1,275 graduan bersempena Majlis Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-53. Penganugerahan ini merupakan manifestasi komitmen, ketabahan dan kecemerlangan para graduan sepanjang tempoh pengajian mereka di UKM. Majlis Konvokesyen Ke-53 ini telah menyaksikan penganugerahan kepada 74 graduan Doktor Falsafah, 303 graduan Sarjana, 10 graduan Sijil Pasca, dan 962 graduan Sarjana Muda dari pelbagai disiplin di bawah FSSK. Angka ini bukan sahaja mencerminkan skala dan keupayaan fakulti dalam melahirkan tenaga mahir, malah menunjukkan keberhasilan program akademik yang dirangka secara komprehensif dan selari dengan keperluan semasa negara.

Pada tahun ini, para graduan FSSK telah diraikan dalam dua sesi utama konvokesyen. Sidang Tujuh yang telah disempurnakan oleh Yang Amat Mulia Tunku Besar Seri Menanti Tunku Ali Redhaudin ibni Tuanku Muhriz, Pro-Canselor UKM. Keberangkatan dan penyempurnaan sidang oleh YAM Tunku Besar Seri Menanti menyerikan lagi majlis serta memberikan makna simbolik terhadap penghargaan universiti kepada kecemerlangan akademik. Sementara itu, Sidang Lapan disempurnakan oleh Yang Berbahagia Profesor Dr. Sufian Jusoh, Naib Canselor UKM, yang dalam ucapannya menzahirkan keyakinan terhadap kemampuan graduan FSSK untuk terus menyumbang kepada masyarakat dan negara melalui kepakaran dalam bidang sains sosial dan kemanusiaan.



Lebih membanggakan, majlis tahun ini turut menyaksikan kejayaan cemerlang Nurul Faezah binti Mohd Yaacob, graduan Sarjana Muda Komunikasi Media yang telah dianugerahkan Pingat Emas Universiti. Pengiktirafan ini diberikan atas pencapaian prestasi akademik luar biasa serta menunjukkan komitmen tinggi dalam kepimpinan, sahsiah dan penglibatan dalam aktiviti universiti. Kejayaan ini mencerminkan kecemerlangan berterusan FSSK dalam membangunkan modal insan holistik yang dapat menyumbang secara signifikan kepada pembangunan negara.

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan sekali lagi mengucapkan tahniah kepada semua graduan yang diraikan pada Majlis Konvokesyen UKM Ke-53. Semoga kejayaan ini menjadi titik tolak kepada pencapaian yang lebih gemilang pada masa hadapan, serta menjadi pemangkin semangat untuk terus menyumbang secara bermakna kepada pembangunan ilmu, masyarakat dan negara.

